

PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)

PEKELILING PTPTN BILANGAN 2 TAHUN 2003

PERLAKSANAAN PELEPASAN BAYARAN BALIK PINJAMAN PENDIDIKAN BAGI PELAJAR-PELAJAR YANG MENDAPAT KEPUJIAN KELAS PERTAMA

Adalah dimaklumkan bahawa PTPTN telah melaksanakan dasar pinjaman boleh ubah untuk pelajar-pelajar Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) peringkat Ijazah Sarjana Muda yang mendapat keputusan Kepujian Kelas Pertama. Walau bagaimanapun untuk pelajar-pelajar IPTS, hanya terhad kepada pelajar-pelajar yang mengikut kursus yang mendapat Sijil Perakuan Akreditasi daripada Lembaga Akreditasi Negara (LAN), Kementerian Pendidikan Malaysia.

2. Untuk membolehkan surat pelepasan bayaran balik dikeluarkan, pelajar-pelajar berkaitan dikehendaki mengemukakan kepada PTPTN dokumen-dokumen berikut yang telah disahkan oleh Bahagian Akademik IPTA atau IPTS masing-masing:

- (I) Salinan keputusan peperiksaan setiap semester pengajian.
- (II) Salinan Ijazah Kejujian Kelas Pertama.

3. Pelajar-pelajar yang menerima penajaan lain di samping pinjaman PTPTN, menukar jurusan, peringkat pengajian dan IPT tanpa kelulusan PTPTN atau melanggar mana-mana syarat yang ditetapkan dalam perjanjian pinjaman pendidikan, tidak akan dipertimbangkan untuk kemudahan pelepasan bayaran balik pinjaman.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(ABD. WAHAB ABD. AZIZ)

Ketua Eksekutif

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional.

24 Julai 2003